

26 MAY 1998

Chua-Ekspo

KEMENTERIAN KESIHATAN SERTAI EKSPLO TERBESAR KEMPEN BARANGAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Kementerian Kesihatan akan mempromosi kempen gaya hidup sihat dalam Ekspo Cintai Barangan Malaysia yang akan diadakan di sini pada Julai.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata kementerian juga akan mengadakan kempen derma darah pada ekspo 10 hari itu yang bermula 10 Julai di Pusat Pameran Antarabangsa (MINES) di The Mines, Sungai Besi.

Ekspo yang terbesar pernah diadakan itu anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur/Selangor.

"Kementerian menyokong usaha menjayakan ekspo ini sejajar dengan hasrat kerajaan mahu rakyat mengutamakan barangan tempatan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi persatuan itu di pejabatnya hari ini.

Beliau berkata ekspo itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kempen beli barangan Malaysia yang diadakan secara intensif oleh pelbagai pihak telah berjaya memperbaiki kedudukan akaun semasa negara.

"Untuk tiga bulan pertama tahun ini, akaun perdagangan telah mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM8.8 bilion berbanding RM2 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas," katanya.

Naib presiden dewan perniagaan Miew Jin Seng berkata ekspo itu dijangka menerima 600,000 pengunjung tempatan dan luar negara.

Miew berkata sehingga ini 500 daripada 700 gerai pameran untuk ekspo itu telahpun ditempah.

Mereka yang berminat menyertai ekspo boleh menghubungi sekretariat persatuan melalui talian 03-4532135.

-- BERNAMA

NZ FAZ